

Dr Sanusi bin Osman dan lain-lain lwn Datuk Ismail bin Che' Ros dan lain-lain

A

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO
S4-21-182 TAHUN 1998

B

WAN ADNAN MUHAMAD H
22 DISEMBER 2009

Prosedur Jenayah — Tangkapan — Perintah reman — Plaintiff ditangkap secara salah oleh polis — Sama ada perintah reman lanjutan daripada tangkapan salah sah

C

Tort — Ganti rugi — Ganti rugi bagi kegagalan menjalankan tugas statutori — Kegagalan polis menghalang penceroboh mengganggu persidangan sah — Penangkapan pihak yang salah — Sama ada budi bicara digunakan secara arbitrari — Sama ada ganti rugi am wajar diberikan — Akta Polis 1967 s 27A(1)(c)

D

Tort — Penahanan salah — Penahanan salah oleh polis — Tuntutan ganti rugi — Polis menghalang plaintiff keluar bagi menjaga keselamatan plaintiff — Sama ada terdapat penahanan salah

E

Plaintif-plaintif telah menuntut ganti rugi terhadap defendant-defendant yang terdiri daripada anggota Polis DiRaja Malaysia dan Kerajaan Malaysia. Teras tuntutan pihak plaintif-plaintif adalah bahawa defendant-defendant telah gagal menjalankan tugas statutori mereka apabila gagal menghalang individu-individu yang cuba mengganggu, mengacau dan menceroboh ekoran suatu peristiwa yang berlaku semasa Persidangan Asia Pacific Conference on East Timor II (APCET II) yang telah berlangsung di Asia Hotel, Kuala Lumpur pada 9 November 1996 secara sah. Persidangan itu telah dianjurkan oleh plaintif-plaintif. Kumpulan yang didakwa menceroboh persidangan ialah kumpulan Barisan Bertindak Rakyat Malaysia ('BBRM'). Apabila persidangan bermula kedengaran bunyi bising dan mob naik ke tingkat satu di mana persidangan sedang berlangsung. Peserta-peserta persidangan telah tidak dapat menahan mob daripada memecah masuk ke dewan persidangan. Pengajur dan peserta telah menelefon pihak polis tetapi polis hanya sampai ke tempat kejadian lebih dari satu jam kemudian. Pihak polis tidak mengarahkan mob untuk bersurai dan tidak membuat tangkapan ke atas anggota mob. Sebaliknya, atas arahan defendant kedua (SD3), polis telah menangkap dan menahan plaintif-plaintif. Kemudianya suatu perintah tahanan reman telah diperoleh daripada majistret. Pihak defendant-defendant bahawa

F

G

H

I

- A plaintif-plaintif terpaksa ditahan kerana mereka enggan mematuhi arahan bersurai pihak polis. Terdapat dua tempoh tahanan terhadap plaintif-plaintif iaitu tahanan oleh polis selama 24 jam (dari 3 petang 9 November 1996 sehingga mereka dibawa kehadapan majistret pada 10 November 1996 untuk lanjutan reman). Tempoh kedua ialah dari tarikh lanjutan reman oleh majistret (10 November 1996) hingga mereka dibebaskan.

Diputuskan, membenarkan tuntutan plaintif-plaintif dengan kos:

- (1) Terdapat banyak percanggahan dalam keterangan SD3. Tingkah laku SD3 juga dicurigai kerana dia hanya sampai ke tempat kejadian pada jam 10.30 pagi sedangkan dia diberitahu seawal jam 9.15 pagi mengenai kekacauan. Apabila sampai di Asia Hotel SD3 tidak berbuat apa-apa sedangkan dia tahu bahawa mob berkumpul secara haram. Seharusnya dia mengarahkan mob bersurai dan menangkap mereka jika mereka enggan. SD3 juga tidak bercakap benar apabila menafikan mempunyai pengetahuan mengenai Persidangan APCET II (lihat perenggan 18–19 & 21).
- (2) Mahkamah mempunyai budi bicara untuk meneliti sama ada budi bicara yang dilaksanakan adalah mengikut prinsip keadilan dan tidak secara melulu atau arbitrari. Budi bicara yang digunakan secara arbitrari adalah menyalahi undang-undang secara substantif dan bukan secara prosedur. Ini kerana seorang pegawai awam tidak dibenarkan menggunakan budi bicara ikut suka hati tanpa memberi pertimbangan wajar mengikut hal keadaan. Parlimen tidak memberi budi bicara tanpa batas (lihat perenggan 22).
- (3) Pada masa plaintif-plaintif ditangkap, keadaan terkawal kerana anggota polis melebihi anggota mob. Plaintiff-plaintif telah berkumpul selepas makan tengah hari bagi tujuan untuk membincang tindakan selanjutnya dan bukan untuk mengadakan semula persidangan. Tambahan lagi, SD3 tidak memberi masa untuk plaintif-plaintif bersurai walaupun mereka telah hanya meminta masa dua minit untuk bersurai (lihat perenggan 24).
- (4) Walaupun SD3 mempunyai budi bicara di bawah peruntukan s 27A(1)(c) Akta Polis 1967 ('Akta') untuk menjamin keamanan tetapi perbuatan SD3 adalah di luar kehendak undang-undang. Ini kerana SD3 telah menangkap plaintif-plaintif dalam keadaan yang tidak lagi boleh dianggap mengancam keamanan. Tempat kejadian tertutup dan anggota mob sudah tiada lagi. SD3 telah menggunakan budi bicara secara melulu (lihat perenggan 26).
- (5) Menurut pegawai penyiasat (SD7), plaintif-plaintif tidak dituduh di bawah s 27 Akta kerana tiada bukti kukuh yang menunjukkan mereka diberi masa yang munasabah untuk bersurai oleh SD3. Menurutnya,

masa dua minit yang diberi untuk plaintif-plaintif bersurai tidak mencukupi. Ini menunjukkan bahawa tangkapan dan tahanan plaintif-plaintif oleh polis tidak selaras dengan kehendak undang-undang (lihat perenggan 27).

- (6) Tempoh reman oleh majistret adalah sah. Perintah reman dibuat oleh tribunal yang kompeten. Majistret telah menggunakan budi bicaranya untuk mengeluarkan perintah reman ke atas plaintif-plaintif. Perintah tersebut adalah teratur (lihat perenggan 29).
- (7) Tiada penahanan salah terhadap plaintif-plaintif di tempat kejadian. Plaintif-plaintif hanya dihalang keluar dari hotel pada suatu ketika bagi menjaga keselamatan diri plaintif-plaintif kerana ketika itu masih terdapat anggota BBRM (mob) di situ (lihat perenggan 32).
- (8) Plaintiff-plaintif berjaya membuktikan bahawa tangkapan dan tahanan terhadap mereka oleh pihak polis pada 9 hingga 10 November 1996 adalah tidak sah (lihat perenggan 33).
- (9) Ganti rugi keterlaluan dan teladan tidak dapat dipertimbangkan setelah diambil kira keseluruhan keterangan. Bersabit ganti rugi khas, tiada bukti berdokumen selain keterangan lisan sahaja. Justeru, plaintif-plaintif telah diawardkan RM30,000 sebagai ganti rugi am bagi kesusahan yang dialami mereka dalam tempoh mereka ditahan selama hampir 24 jam (lihat perenggan 34–35).

[English summary]

The plaintiffs claimed for damages against the defendants who were the members of the Royal Malaysian Police Force and the Government of Malaysia. The basis of the plaintiffs' claim was that the defendants had failed to carry out their statutory duties when they failed to prevent the individuals whom had tried to interfere, disturb and intrude in consequence of an incident that took place during the Asia Pacific Conference on East Timor II (APCET II) which was held at the Asia Hotel, Kuala Lumpur on 9 November 1996 lawfully. The conference was organised by the plaintiffs. The group that was alleged to have intruded in the conference was Barisan Bertindak Rakyat Malaysia ('BBRM'). Upon the commencement of the conference, loud noise was heard and the mob went up to the first floor where the conference was being held. The participants of the conference could not stop the mob from breaking into the conference hall. The organiser and the participants had called the police but the police only arrived at the venue of the event more than an hour later. The police did not direct the mob to disperse and did not make any arrest on the members of the mob. Instead, on the direction of the second defendant ('SD3'), the police arrested the plaintiffs. Subsequently a remand order was obtained from the magistrate. The defendants alleged that the plaintiffs had to be remanded as they had refused to obey the order to disperse by the police. There were two remand period against the plaintiffs ie a 24 hours

- A remand by the police (from 3pm on 9 November 1996 until they were produced before the magistrate on 10 November 1996 for further remand). The second period was the further remand by the magistrate (10 November 1996) until they were freed.
- B **Held**, allowing the plaintiffs' claim with costs:
- (1) They were many discrepancies in SD3's testimony. The demeanour of SD3 was also doubted as he had only arrived at the venue of the incident at 10.30am when he had already been informed as early as 9.15am about the disorder. Upon arrival at the Asia Hotel, SD3 did not do anything although he knew that the mob had gathered illegally. He should have ordered the mob to disperse and arrest them if they refused. SD3 also did not speak the truth when he denied having knowledge of the APCET II Conference (see paras 18–19 & 21).
- C (2) The court had the discretion to evaluate whether the discretion exercised was according to the principles of justice and was not arbitrary. The discretion exercised arbitrarily was substantially, and not procedurally, against the law. The reason was a public officer was not allowed to exercise his discretion as his wish without giving due consideration to the circumstances. The Parliament did not grant unlimited discretion (see para 22).
- D (3) When the plaintiffs were arrested, the situation was under control as the members of the police party were more than the members of the mob. The plaintiffs had gathered after lunch for the purpose of discussing further action and not to reconvene. Moreover, SD3 did not give time for the plaintiffs to disperse although they had requested a minute or two to do so (see para 24).
- E (4) Although SD3 had the discretion under the provision of s 27A(1)(c) of the Police Act 1967 ('the Act') to ensure the peace but SD3's conduct was against the expectation of the law. This was because SD3 had arrested the plaintiffs in a situation which could not be deemed to be a threat to the peace. The place of the incident was closed and the members of the mob were not there anymore. SD3 had used his discretion arbitrarily (see para 26).
- F (5) According to the investigation officer (SD7'), the plaintiffs had not been charged under s 27 of the Act as there was no concrete evidence to show that they had been given reasonable time by SD3 to disperse. According to him, the two minutes time given to the plaintiffs to disperse was not sufficient. This showed that the arrest and the remand of the plaintiffs by the police was not in line with the requirement of the law (see para 27).
- G
- H
- I

- (6) The duration of the remand by the magistrate was lawful. The remand order was given by a competent tribunal. The magistrate had exercised his discretion to issue the remand order against the plaintiffs. The order was regular (see para 29). A
- (7) There was no false imprisonment against the plaintiffs at the place of the incident. The plaintiffs were only prevented from exiting the hotel at one time to ensure the plaintiffs' safety as at that time there were members of BBRM (the mob) there (see para 32). B
- (8) The plaintiffs had established that their arrest and remand by the police on 9 until 10 November 1996 was unlawful (see para 33). C
- (9) Aggravated and exemplary damages could not be considered after taking into account the evidence as a whole. With regards to the special damages, there was no documentary evidence other than the oral evidence. Hence, the plaintiffs were awarded RM30,000 as general damages for hardship that they had suffered during the remand period of approximately 24 hours (see paras 34–35).] D

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai ganti rugi secara am, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 150–250. E

Untuk kes-kes mengenai penahanan salah oleh polis, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 653–654. F

Untuk kes-kes mengenai perintah reman, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 773–774. G

Kes-kes yang dirujuk

Chan Wey Siong lwn Ketua Inspektor Sjafrin Oktridal bin Sjofyan & satu lagi [2004] 6 MLJ 191; [2004] 3 CLJ 180, MT (dirujuk) H

Madjai bin Sanusi v Pengarah Imigresen, Johor & Ors [2000] 5 MLJ 116, MT (dirujuk)

State Government of Perak v Muniandy [1986] 1 MLJ 490, MA (dirujuk) I

Undang-undang yang dirujuk

Akta Polis 1967 ss 20 (3)(d), 27, 27A(1)(c)

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980

Kanun Prosedur Jenayah ss 23, 117

Malik Imtiaz Sarwar (M Moganambal, Ranjit Singh, Abd Rashid Ismail dan Gregory Ling bersamanya (Malik Imtiaz Sarwar, Daim & Gamany, Ranjit Ooi & Robert Low, Rashid Zulkifli)) bagi pihak plaintif-plaintif.

Izani bin Ishak (Peguam Kanan Persekutuan, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak defendant-defendant.

A**Wan Adnan Muhamad H:**

- B** [1] Plaintiff-plaintiff merupakan individu-individu memfailkan tuntutan sejumlah besar ganti rugi yang merangkumi jenis ganti rugi am, ganti rugi keterlaluan (aggravated) ganti rugi teladan dan ganti rugi khas terhadap defendant-defendant yang terdiri daripada anggota-anggota Pasukan Polis DiRaja Malaysia dan Kerajaan Malaysia ekoran suatu peristiwa yang berlaku semasa Persidangan Asia Pacific Conference On East Timor II (APCET II) yang telah berlangsung di Kuala Lumpur pada 9 November 1996.
- D** [2] Teras tuntutan pihak plaintiff-plaintiff seperti dalam plading terpinda mereka ialah dakwaan bahawa defendant-defendant telah gagal menjalankan tugas statutori mereka apabila gagal menghalang individu-individu yang cuba mengganggu, mengacau dan menceroboh persidangan yang dianjurkan oleh plaintiff-plaintif.
- E** [3] Atas arahan defendant kedua, anggota polis termasuk SD6 menangkap dan menahan plaintiff-plaintif. Kemudianya suatu perintah tahanan reman selanjutnya diperolehi daripada majistret. Perintah tahanan reman oleh majistret kemudiannya diisyiharkan tidak sah oleh Mahkamah Tinggi. Plaintiff-plaintif merupakan peserta-peserta Persidangan APCET II ('persidangan') manakala kumpulan yang didakwa menceroboh persidangan ialah individu-individu yang menganggotai kumpulan yang menggelarkan diri mereka Barisan Bertindak Rakyat Malaysia ('BBRM').
- G** [4] Pihak defendant-defendant dalam pembelaan mereka menyatakan mereka tidak mengambil tindakan pada mulanya kerana keadaan ketika itu terkawal.
- H** Plaintiff-plaintif terpaksa ditahan kerana mereka enggan mematuhi arahan bersurai pihak polis. Manakala tahanan reman plaintiff-plaintif didakwa mengikut undang-undang oleh itu adalah sah.
- I** [5] Pada mulanya tindakan ini membabitkan seramai 36 orang plaintiff tetapi plaintiff-plaintif kelapan, ke-11, ke-28, ke-32 dan ke-33 telah menarik balik tuntutan mereka ketika proses perbicaraan berjalan. Fan Yew Teng (plaintif keempat) dan Sharonjit Kaur Gill (plaintif ke-34) tidak hadir semasa perbicaraan dan tidak mengemukakan sebarang keterangan. Kini penghakiman hanya melibatkan kesemua plaintiff kecuali plaintiff-plaintif kelapan, ke-11, ke-28, ke-32 dan ke-33. Pihak plaintiff-plaintif telah memanggil seramai 31 saksi untuk memberi keterangan. Kebanyakan keterangan adalah daripada plaintiff-plaintif sendiri melainkan keterangan daripada SP7. Pihak defendant-defendant pula mengemukakan seramai lapan orang saksi termasuk defendant pertama, kedua dan ketiga.

[6] Walaupun keterangan pihak plaintiff-plaintif telah di kemukakan oleh saksi-saksi yang begitu ramai tetapi, sifat keterangan mereka agak seakan-akan (identical) kecuali personaliti yang memberi keterangan adalah berlainan. Ini kerana saksi-saksi berkenaan merupakan tubuh badan plaintiff-plaintif sendiri yang sama-sama berada di tempat kejadian iaitu Asia Hotel (ketika itu) pada 9 November 1996. Mereka terlibat dalam persidangan pada hari berkenaan sama ada sebagai anggota pengganjur persidangan atau sebagai peserta-peserta persidangan. Mereka juga sama-sama ditangkap oleh anggota polis atas arahan defendant kedua dan ditahan reman di lokap antara satu hingga beberapa hari. Pada hemat saya fakta kes ini agak senang dan tidak rumit. Lagi pun sebahagian besar fakta tidak dipertikaikan melainkan yang membabitkan fakta kelewatan kemunculan pasukan polis di tempat kejadian dan fakta mengenai waktu amaran bersurai diberi oleh defendant kedua serta waktu plaintiff-plaintif di tangkap.

A

B

C

D

E

F

G

H

I

[7] Sebelum saya memaparkan fakta kes seringkas-ringkasnya, saya fikir wajar diperturunkan fakta-fakta yang mana tidak dipertikaikan atau tidak boleh dipertikaikan oleh kedua-dua pihak. Ini terdapat dalam ikatan dokumen D. Untuk menyenangkan saya akan petikkan fakta-fakta tersebut daripada hujah bertulis peguam pihak plaintiff-plaintif seperti berikut (bahasa asal hujah):

- (1) APCET II was a private conference held on a 'by invitation only' basis;
- (2) The mob calling themselves 'Barisan Bertindak Rakyat Malaysia' assembled outside Asia Hotel was led by Saifuddin Nasution (SP7);
- (3) The mob was unruly and was chanting, yelling and shouting slogans and abusive words at the organizers of APCET II;
- (4) The mob entered the hotel through the front entrance of the hotel. The mob rushed up the stairs and also used the elevator to reach the entrance of the Conference Hall;
- (5) The mob managed to break the barricade within minutes and forced themselves into the conference;
- (6) The mob was aggressive and shouted angrily at the Plaintiffs. The mob carried banners and placards;
- (7) The mob did not allow the Plaintiffs of APCET II to leave the hall;
- (8) When OCPD Zainal gave the order to the mob to leave the Conference Hall, some members of the mob remained.

[8] APCET yang mempunyai secretariat antarabangsa mencadangkan Persidangan APCET II diadakan di Kuala Lumpur. Beberapa badan bukan kerajaan (NGO) di Malaysia seperti Suaram, Komas dan lain-lain bersetuju untuk menjadi pengganjur dan sukarelawan persidangan yang akan berlangsung di Asia Hotel Kuala Lumpur mulai 9 November 1996 hingga 11

- A November 1996. Persidangan tersebut terbuka kepada yang diundang sahaja (by invitation only). Tujuan persidangan ialah untuk menyokong penduduk-penduduk Timor Timur (East Timor) mendapat kemerdekaan daripada Indonesia.
- B [9] Pada 9 November 1996 sejak jam lebih kurang 8 pagi lagi pengajur dan peserta persidangan tiba di Asia Hotel (tempat kejadian). Antara pengajur/sukarelawan ialah Patricia Lourdes Irene (plaintif ke-25). Dr Kua Kia Soong (plaintif ke-18). Anna Har Mei Yoke (plaintif ke-30) manakala antara peserta-peserta ialah Dr Syed Hussein bin Ali (plaintif kelima), Syed Shahir bin Syed Mohamad (plaintif kesepuluh) dan wartawan seperti Gan Diong Keng (plaintif ke-15).
- C [10] Saksi-saksi plaintif-plaintif (SP1-SP6, SP8 hingga SP31) dalam keterangan mereka menyatakan bahawa pada 9 November 1996 (hari kejadian) mereka sampai sebelum persidangan. Ada yang datang pukul 8 ada yang datang 8.30 pagi. Pada pagi tersebut anggota polis Cawangan Khas (Special Branch) turut berada di tempat kejadian (sila lihat keterangan SP3).
- D [11] Plaintiff-plaintiff memberitahu melalui kenyataan saksi mereka dan dalam testimoni ketika diperiksa balas bahawa sebelum persidangan berlaku terdapat orang luar (gerombolan atau mob) berkumpul di luar hotel.
- E [12] Apabila persidangan bermula kedengaran bising dan mob naik ke tingkat satu di mana persidangan sedang berlangsung. Peserta-peserta persidangan yang terdiri daripada peserta tempatan dan luar negara tidak dapat menahan mob daripada memecah masuk ke dewan persidangan walaupun mereka sedaya upaya cuba menyekat dengan mengunci dan menahan pintu dewan. Mob berjaya masuk dewan persidangan dan membuat kacau serta memaksa peserta-peserta untuk memberhentikan persidangan. Ada di antara pengajur dan peserta telah menalipon pihak polis tetapi pihak polis hanya sampai ke tempat kejadian lebih dari satu jam kemudian. Walaupun ada percanggahan mengenai masa sebenar ketibaan polis yang diketuai defendant kedua tetapi adalah suatu fakta nyata bahawa pihak polis sampai selepas jam 10.30 pagi. Adalah juga suatu kenyataan mob yang diketuai oleh SP7 sudah berjaya menyekat persidangan daripada diteruskan sebelum ketibaan pasukan polis. Juga adalah suatu kenyataan bahawa pihak polis tidak dapat mengawal keadaan dan tidak mengarahkan mob untuk bersurai dan gagal membuat tangkapan ke atas mob yang menceroboh masuk persidangan yang berjalan dengan sah.
- F [13] Pada pertimbangan saya tindakan pihak plaintif boleh dibahagikan kepada dua persoalan pokok. Pertamanya ialah persoalan mengenai liabiliti dan keduanya ialah persoalan mengenai remedii.

[14] Atas persoalan pertama iaitu liabiliti teras penghujahan pihak plaintif berlandaskan kausa tindakan seperti salah tahan, penahanan salah, kecuaian melampau dan pemecahan tanggungjawab statutori. Manakala mengenai remedii ialah tuntutan ganti rugi am, ganti rugi keterlaluan, ganti rugi teladan dan ganti rugi khas.

A

[15] Sehubungan dengan itu peguam kanan persekutuan dalam penghujahan bertulisnya memusatkan hujahannya atas persoalan-persoalan yang dinyatakan di atas.

B

[16] Kes pihak defendant amat bergantung kepada keterangan SD3 (defendant kedua). Jika keterangan SD3 tergugat maka kes pihak defendant memerlukan keterangan kukuh untuk mengugat kes pihak plaintif atas prinsipimbangan kebarangkalian. Justeru, saya berpendapat keterangan SD3 perlu diberi pertimbangan wajar seiring dengan keterangan saksi-saksi pihak plaintif dan pihak defendant. Sehubungan dengan itu saya perlu meneliti keseluruhan keterangan kedua-dua pihak.

C

[17] Keterangan Sarifuddin Nasution (SP7) menyokong keterangan saksi-saksi plaintif yang menyatakan mob tiba sebelum defendant kedua dan anggota-anggotanya tiba di tempat kejadian. Keterangan SP7 memperakui bahawa pihak polis tidak mengambil apa-apa tindakan apabila mob berkumpul secara haram di TPCA dan berarak secara haram ketempat kejadian. SP7 ialah ketua mob yang membuat kakau pada hari kejadian. SP7 menyatakan Timbalan Menteri Dalam Negeri Dato' Megat Junid telah mengarahkan beliau supaya mengagalkan Persidangan APCET II. Mengikut keterangan SP7, Timbalan Menteri tersebut telah memberitahu beliau pihak polis akan datang lebih kurang 30 minit selepas ketibaan SP7 dan mob.

D

[18] Setelah meneliti keterangan SD3 secara keseluruhan saya dapat banyak percanggahan dalam keterangannya. Saya dapat keterangannya digugat semasa soal balas dan gagal dipulihkan semasa diperiksa semula. Saya bersetuju dengan hujah peguam pihak plaintif-plaintif bahawa SD3 tidak konsisten dalam keterangannya. Saya tidak dapat menerima bahawa beliau tidak tahu kehadiran polis yang tidak beruniform seperti anggota Cawangan Khas. Di sebaliknya saksi defendant-defendant sendiri iaitu DSP Manoharan (SD4) menyatakan kehadiran anggota polis sememangnya dalam pengetahuan SD3 sebagai Ketua Polis Daerah (KPD) Dang Wangi.

E

[19] Tingkah laku SD3 juga dicurigai kerana beliau hanya sampai ke tempat kejadian pada jam 10.30 pagi sedang beliau diberitahu seawal jam 9.15 pagi mengenai kekacauan. Mengikut keterangan SD3, kelewatan beliau dan anggotanya adalah disebabkan lojistik dan kesesakan lalu lintas. Keterangan sedemikian oleh beliau tidak dapat diterima sebagai munasabah kerana Ibu

F

G

H

I

- A Pejabat KPD Dang Wangi tidak jauh dari tempat kejadian (Asia Hotel). Lagi pun ketika itu bukan lagi masa kesesakan lalu lintas. Di samping itu pihak polis boleh guna siren untuk keutamaan laluan.
- B [20] Apabila sampai di Asia Hotel SD3 tidak berbuat apa-apa sedangkan beliau tahu bahawa mob berkumpul secara haram. Seharusnya beliau mengarahkan mob bersurai dan jika mereka enggan beliau boleh arah anggotanya menangkap mereka. SD3 dan anggotanya naik ke tingkat atas. Tangkapan dibuat hanya pada jam 2.30 petang selepas keadaan sudah terkawal.
- C [21] SD3 juga tidak bercakap benar apabila manafikan mempunyai pengetahuan mengenai Persidangan APCET II. Beliau terpaksa akur apabila keratan akhbar-akhbar dikemukakan bahawa beliau tahu Persidangan APCET II akan diadakan pada 8 November 1996 hingga 12 November 1996. Di samping itu Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KSU KDN) juga ada mengedarkan sepuak surat bertarikh 6 November 1996 kepada SD3 memberitahu mengenai suatu perjumpaan di antara plaintiff-plaintif pertama, keempat dan ke-23 dengan YB Timbalan Menteri Dalam Negeri bersabit persidangan tersebut akan diadakan pada 4 November 1996. Surat tersebut dengan jelas menyatakan sikap Kerajaan Malaysia yang tidak merestui Persidangan APCET berkenaan. Manakala SD3 pula akan dimaklumkan mengenai perkembangan perjumpaan tersebut. Saya pasti SD3 telah diberitahu oleh KSU KDN hasil perjumpaan tersebut (sila lihat ms 23-24 ikatan dokumen yang dipersetujui).
- F [22] Saya tidak mempersoalkan budi bicara yang diberi oleh peruntukan undang-undang (Akta Polis, Kanun Prosedur Jenayah) tetapi mempersoalkan cara pemakaian budi bicara tersebut. Mahkamah mempunyai budi bicara untuk meneliti sama kada budi bicara yang dilaksanakan adalah mengikut prinsip keadilan dan tidak secara melulu atau arbitrari. Budi bicara yang digunakan secara arbitrari adalah menyalahi undang-undang secara substantif dan bukan secara prosedur. Ini kerana seorang pegawai awam tidak dibenarkan menggunakan budi bicara ikut suka hati tanpa memberi pertimbangan wajar mengikut hal keadaan. Pada hemat saya Parlimen tidak memberi budi bicara tanpa batas.
- G [23] Setelah saya pertimbangkan keseluruhan keterangan SD3 beserta dengan dokumen yang dikemukakan sukar saya menerima testimoninya. Terdapat percanggahan ketara antara saksi-saksi defendant-defendant sendiri terutama sekali SD4. Dalam laporan polisnya SD3 tiada menyatakan beliau memberi amaran sebanyak tiga kali seperti testimoninya di mahkamah.

[24] Sehubungan dengan itu adakah tangkapan pada jam 3 petang ke atas plaintif-plaintif munasabah dan sah di sisi undang-undang. Mengikut keterangan pihak plaintif-plaintif termasuk keterangan saksi-saksi defendan-defendan sendiri pada masa material keadaan terkawal kerana anggota polis melebihi anggota mob. Tindakan SD3 mengarah tangkapan ialah kerana kononnya plaintif-plaintif mula berkumpul untuk memulakan semula persidangan di mana dinafikan oleh pihak plaintif-plaintif. Plaintiff-plaintif dalam keterangan mereka yang gagal digugat oleh soal balas pihak defendan-defendan menyatakan mereka berkumpul selepas makan tengah hari bagi tujuan untuk membincang tindakan selanjutnya dan bukan untuk mengadakan semula persidangan. Saya dapat menerima alasan tersebut kerana apa ertinya persidangan tanpa peserta-peserta luar negara yang diusir oleh imigresen terdahulu. APCET II adalah suatu persidangan antarabangsa bertujuan untuk mendapat simpati masyarakat antarabangsa bagi kemerdekaan Timor Timur. Seperkara lagi mengikut keterangan saksi-saksi pihak plaintif-plaintif, SD3 tidak memberi masa untuk mereka bersurai. Saya terima keterangan plaintif kedua En Sivarasa (SP6) yang disokong oleh keterangan saksi-saksi plaintif-plaintif seperti SP1, SP2, SP3, SP4, SP5 serta SP9 bahawa mereka minta masa dua minit untuk bersurai. Ini diakui sendiri oleh SD3 yang SP6 ada mengangkat tangan dan tunjuk dua jari. Mengikut SD3 beliau anggap bermaksud dua atau 20 minit. SD3 juga mengaku dia tidak membuat pertanyaan apa SP6 mahu. Dalam laporan polisnya SD3 tidak langsung menyebut permintaan SP6. Pada hemat saya bagi mendapat gambaran jelas apa yang dilakukan oleh SD3 pada masa material tersebut terpancar dalam laporan tersebut seperti berikut:

Pada lebih kurang jam 3.00 petang saya dapati satu kumpulan orang di dalam Dewan Indonesia sedang duduk dan seorang lelaki berbangsa Cina sedang berucap dengan duduk di atas kerusi. Saya dapati keadaan ini akan membangkitkan kekacauan keamanan dan terus mengarahkan mereka bersurai, tetapi mereka enggan. Lalu saya mengarahkan CifInsp. Tengku Hamzah membuat tangkapan atas kesalahan di bawah Sek. 27A(6) Akta Polis 1967.

[25] Nampaknya SD3 langsung tidak menyebut dalam laporan polisnya permintaan SP6 sedikit masa supaya plaintif-plaintif dapat mengambil barang-barang mereka yang dibawa semasa menghadiri persidangan. Saya percaya tentu sekali mereka membawa barang-barang yang sesuai bagi menghadiri persidangan. Lain sekali jika mereka datang untuk menunjuk perasaan di jalanan tentu sekali permintaan sedemikian tidak munasabah. Permintaan SP6 dengan menunjuk jari disokong oleh keterangan saksi pihak defendan-defendan termasuk SD4 dan SD6. Manakala keterangan saksi-saksi plaintif-plaintif konsisten antara satu sama lain mengenai permintaan masa untuk bersurai dan SD3 langsung tidak memberi masa untuk mereka berbuat demikian. SD3 juga didakwa tidak memberi tiga kali amaran seperti dalam

A

B

C

D

E

F

G

H

I

- A dikatakan oleh SD3 dalam keterangannya. Pihak plaintiff-plaintif mendakwa arahan SD3 untuk bersurai dan tangkap adalah hampir bersekali (instantaneous).
- B [26] Setelah diteliti keseluruhan keterangan oleh kedua-kedua pihak saya dapat keterangan oleh pihak plaintiff-plaintif lebih berkemungkinan. Berdasarkan fakta kes saya dapat atas beban bukti imbalan kebarangkalian pihak plaintiff-plaintif berjaya meyakinkan saya bahawa SD3 gagal memberi masa yang munasabah dalam hal keadaan di tempat kejadian untuk lagi boleh dianggap mengancam keamanan memandangkan tempat kejadian adalah tertutup dan anggota mob sudah tiada lagi. SD4 ketika disoal balas mengesahkan semasa SD3 beri arahan bersurai tiada seorang pun mob di dalam dewan. Manakala SD5 dalam keterangannya ketika disoal balas menyatakan SD3 hanya beri arahan bersurai sekali sahaja dan kemudian SD3 arah beliau membuat tangkapan. Keterangan SD6 ketika disoal balas menyokong keterangan SD5 bahawa hanya sekali sahaja perintah arahan bersurai dibuat. SD5 juga menyatakan dia dimaklumkan oleh pegawai arahan diberi tiga kali, tetapi yang dia dengar sekali sahaja. Fakta keterangan menunjukkan kehadiran anggota polis yang ramai di tempat kejadian. Pada pertimbangan saya tindakan SD3 adalah melulu. SD3 seharusnya memberi masa untuk plaintiff-plaintif mengambil barang mereka. SD3 langsung tidak mengindahkan permintaan mereka. Saya dapat andaikan berdasarkan fakta keterangan keadaan di tempat kejadian ketika itu tidak menggugat keamanan. Saya peka bahawa SD3 diberikan budi bicara tetapi jelas fakta keterangan tidak menyebelahi beliau yang menunjukkan arahan tangkapan patut dibuat.
- C plaintiff-plaintif bersurai. Walaupun SD3 mempunyai budi bicara di bawah peruntukan s 27A(1)(c) Akta Polis 1967 untuk menjamin keamanan tetapi perbuatan SD3 saya anggap sebagai di luar kehendak undang-undang kerana tindakan SD3 untuk menangkap plaintiff-plaintif dalam keadaan yang tidak lagi boleh dianggap mengancam keamanan memandangkan tempat kejadian adalah tertutup dan anggota mob sudah tiada lagi.
- D SD4 ketika disoal balas mengesahkan semasa SD3 beri arahan bersurai tiada seorang pun mob di dalam dewan. Manakala SD5 dalam keterangan ketika disoal balas menyatakan SD3 hanya beri arahan bersurai sekali sahaja dan kemudian SD3 arah beliau membuat tangkapan. Keterangan SD6 ketika disoal balas menyokong keterangan SD5 bahawa hanya sekali sahaja perintah arahan bersurai dibuat. SD5 juga menyatakan dia dimaklumkan oleh pegawai arahan diberi tiga kali, tetapi yang dia dengar sekali sahaja. Fakta keterangan menunjukkan kehadiran anggota polis yang ramai di tempat kejadian. Pada pertimbangan saya tindakan SD3 adalah melulu. SD3 seharusnya memberi masa untuk plaintiff-plaintif mengambil barang mereka. SD3 langsung tidak mengindahkan permintaan mereka. Saya dapat andaikan berdasarkan fakta keterangan keadaan di tempat kejadian ketika itu tidak menggugat keamanan. Saya peka bahawa SD3 diberikan budi bicara tetapi jelas fakta keterangan tidak menyebelahi beliau yang menunjukkan arahan tangkapan patut dibuat.
- E Mahkamah diberi tanggungjawab untuk menegakkan keadilan. Dalam kes ini jelas SD3 menggunakan budi bicara secara melulu (arbitrary).
- F [27] Saya ingin menarik perhatian bahawa plaintiff-plaintif tidak pernah dituduh atas kesahan di bawah s 27 Akta Polis 1967. Mengikut pegawai penyiasat ('SD7') plaintiff-plaintif tidak dituduh kerana tiada bukti kukuh yang menunjukkan mereka diberi masa yang munasabah untuk bersurai oleh SD3. Menurutnya timbalan pendakwa raya ('TPR') tidak mahu plaintiff-plaintif dituduh kerana masa dua minit yang diberi untuk plaintiff-plaintif bersurai tidak mencukupi. SD7 diberitahu semasa berjumpa TPR kerana hendak mendapat arahan untuk buat pertuduhan terhadap plaintiff-plaintif. Keterangan pihak plaintiff membuktikan tiada masa diberi untuk mereka bersurai. Keterangan SD7 sudah cukup untuk meyakinkan saya bahawa tangkapan dan tahanan oleh pihak polis tidak selaras dengan kehendak undang-undang.
- G
- H
- I

[28] Dalam kes ini terdapat dua tempoh tahanan terhadap plaintif-plaintif iaitu tahanan oleh pihak polis selama 24 jam (s 23 Kanun Prosedur Jenayah ('KPJ')) dari jam 3 petang 9 November 1996 sehingga mereka dibawa depan majistret pada 10 November 1996 untuk lanjutan reman. Sementara itu tempoh kedua ialah tarikh lanjutan reman oleh majistret pada 10 November 1996 hingga mereka dibebaskan (tempoh reman berlainan di antara plaintif-plaintif).

[29] Pada hemat saya tempoh reman oleh majistret adalah sah. Saya bersetuju dengan hujah peguam kanan persekutuan ('PKP') bahawa perintah reman dibuat oleh tribunal yang kompeten. Pihak polis hanya membuat permohonan lanjutan reman (s 117 KPJ) maka terpulang kepada budi bicara majistret sama ada untuk membenarkan atau menolak permohonan tersebut. Majistret telah menggunakan budi bicaranya untuk mengeluarkan perintah reman ke atas plaintif-plaintif. Saya dapati tiada cabaran terhadap perintah tersebut dan saya anggap ia adalah teratur (sila lihat *Madhai bin Sanusi v Pengarah Imigresen, Johor & Ors* [2000] 5 MLJ 116; *Chan Wey Siong lwn Ketua Inspektor Sjafrin Oktridal bin Sjofyan & satu lagi* [2004] 6 MLJ 191; [2004] 3 CLJ 180).

[30] Pada pendapat saya tempoh reman kedua tidak berbangkit lagi. Penghakiman saya ialah mengenai tempoh tangkapan dan tahanan ke atas plaintif-plaintif oleh polis iaitu dari 9 November 1996 hingga 10 November 1996. Seperti saya nyatakan terdahulu bahawa kes pembelaan amat bergantungan dengan keterangan SD3 (defendant kedua). Manakala saksi-saksi defendant-defendant yang lain iaitu SD1, SD2 (defendant pertama), SD4, SD5, SD6 (defendant ketiga) SD7 dan SD8 tidak banyak membantu memperkuuhkan kes pembelaan. Malahan keterangan SD4, SD6 dan terutamanya SD7 mencerminkan kewibawaan keterangan pihak plaintif-plaintif mengenai tiada masa yang munasabah diberi oleh SD3 untuk mereka bersurai. Teras pembelaan ialah keengganan plaintif-plaintif untuk bersurai walaupun arahan secukup iaitu sebanyak tiga kali telah diberi. Mengikut keterangan pihak plaintif-plaintif bukan mereka enggan bersurai tetapi tiada masa yang diberi untuk mereka berbuat demikian. Pada pertimbangan saya dakwaan pihak plaintif bukan tidak mempunyai asas. Ini terbukti dengan keengganan TPR memberi kebenaran untuk membuat pertuduhan terhadap plaintif-plaintif di bawah s 27 Akta Polis 1967. Berdasarkan fakta kes ini saya dapati pihak plaintif berjaya membuktikan bahawa tangkapan dan tahanan oleh pihak polis ke atas plaintif-plaintif dari tarikh 9 November 1996 hingga 10 November 1996 adalah tidak sah di sisi undang-undang. Plaintif-plaintif tidak diberi masa yang munasabah untuk bersurai. Saya berpendapat SD3 secara melulu mengarah anggota-anggotanya menangkap plaintif-plaintif sebaik sahaja beliau memberi amaran. Saya percaya SD3 tidak memberi tiga kali amaran seperti dalam keterangannya

A

B

C

D

E

F

G

H

I

- A kerana beliau tidak menyatakan dalam laporan polisnya. Lagi pun keterangannya bercanggah dengan keterangan SD4 dan SD6 mengenai persoalan tersebut.
- B [31] Menyentuh persoalan konspirasi, saya berpendapat tiada bukti SD3 terlibat dalam konspirasi untuk mengagalkan persidangan seperti dikatakan oleh saksi-saksi pihak plaintif terutama SP7. Surat daripada KSU hanya memaklumkan sahaja mengenai perjumpaan antara beberapa plaintif dengan Timbalan Menteri Dalam Negeri. Tiada arahan dalam surat tersebut untuk SD3 hadir. Perlakuan SD3 dalam melengahkan pemergian pihak polis ke tempat kejadian dan tidak ambil tindakan menangkap mob tidak boleh dianggap sebagai konspirasi lagi pun ia tidak diplid (sila lihat *State Government of Perak v Muniandy* [1986] 1 MLJ 490). Saya menganggapnya sebagai perbuatan SD3 untuk 'to please the government'. Justeru saya anggap ia terjerumus kekancang pemecahan tanggungjawab statutori di bawah Akta Polis (sila lihat s 3(3) dan s 20 (3)(d) Akta Polis 1967).
- C [32] Seperkara lagi saya dapati berdasarkan fakta keterangan tiada penahanan salah (false imprisonment) terhadap plaintif-plaintif di tempat kejadian. Saya terima sebagai munasabah keterangan pihak defendant bahawa plaintif-plaintif dihalang keluar hotel pada suatu ketika bagi menjaga keselamatan diri plaintif-plaintif kerana ketika itu masih terdapat anggota BBRM (mob) di situ.
- D [33] Atas isu liabiliti selepas memberi pertimbangan kepada keseluruhan keterangan serta dibantu oleh hujah bertulis kedua-dua pihak saya dapati pihak plaintif-plaintif berjaya membuktikan bahawa tangkapan dan tahanan terhadap mereka oleh pihak polis pada 9 hingga 10 November 1996 adalah tidak sah. Saya dapati kesemua defendant bertanggungjawab kepada plaintif-plaintif secara bersekali kecuali defendant pertama. Saya bersetuju dengan hujah PKP bahawa pihak plaintif gagal membuktikan penglibatan defendant pertama setelah saya menilai keseluruhan keterangan.
- E [34] Mengenai award ganti rugi saya membuat secara keseluruhan atas liabiliti mengenai penangkapan serta reman yang salah dan kegagalan pihak polis menjalankan tanggungjawabnya mengikut kehendak peruntukan statutori. Award yang saya beri hanyalah ganti rugi am. Manakala ganti rugi keterlaluan dan teladan tidak dapat dipertimbangkan setelah diambil kira keseluruhan keterangan. Bersabit ganti rugi khas saya dapati tiada bukti berdokumen selain keterangan lisan sahaja. Adalah prinsip mantap (trite) pembuktian secara ketat (strict) diperlukan. Saya menawarkan RM30,000 bagi setiap plaintif kecuali plaintif kelapan, ke-11, ke-28, ke-32 dan ke-33 yang telah menarik balik tuntutan terhadap defendant-defendant. Manakala tindakan plaintif keempat dan plaintiff ke-34 ditolak kerana gagal

membuktikan kes mereka atas ketiadaan keterangan bagi pihak mereka. Faedah diberi seperti peruntukan Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (KMT). Kos juga diberi kepada plaintif-plaintif.

[35] Pada pendapat saya jumlah ganti rugi keseluruhan tersebut sudah memadai. Sayugia diingatkan saya mempunyai budi bicara untuk menimbang jumlah ganti rugi. Ganti rugi bukan suatu ganjaran tetapi ia merupakan suatu pampasan. Saya memberi pertimbangan kepada nas-nas yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak. Saya percaya bahawa jumlah ganti rugi RM30,000 kepada setiap plaintif sudah memadai dengan kesusahan yang dialami mereka dalam tempoh mereka ditahan selama hampir 24 jam.

Permohonan plaintif-plaintif dibenarkan dengan kos.

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum

A

B

C

D

E

F

G

H

I